

Pemilihan UMNO: Sabah, terkecuali

Ⓟ M. M. - 9 MAY 1993

KUALA LUMPUR 8 Mei — Mesyuarat pemilihan UMNO peringkat bahagian dan cawangan di Sabah tidak akan diadakan tahun ini.

Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, Sabah dikecualikan daripada pemilihan itu sebagai langkah persediaan menghadapi pilihan raya negeri yang mungkin diadakan pada bila-bila masa sahaja.

Bagaimanapun katanya, tarikh pilihan raya Negeri Sabah bergantung kepada keputusan Ketua Menteri Sabah, Dato' Joseph Pairin Kitingan kerana itu adalah haknya.

"UMNO bersedia pada bila-bila masa untuk menghadapi pilihan raya, sudah bersedia dan sentiasa bersedia," katanya.

Dr. Mahathir berkata, pemilihan cawangan dan bahagian di Sabah juga perlu dikecualikan kerana UMNO negeri itu telahpun mengadakan pemilihan yang sama tahun lalu.

Diteruskan

"Bagaimanapun, pemilihan bahagian dan cawangan UMNO di negeri-negeri lain akan diteruskan seperti yang telah dijadualkan sebelum ini," katanya selepas mesyuarat

Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Mesyuarat pemilihan peringkat cawangan UMNO di lain-lain negeri ditetapkan pada Jun dan Julai, manakala pemilihan peringkat bahagian akan berlangsung pada bulan September.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun tidak mengadakan mesyuarat cawangan dan bahagian, perwakilan UMNO dari Sabah tetap bertaraf wakil penuh dan mempunyai hak untuk mengundi pada Perhimpunan Agung UMNO November ini.

Mengenai yuran keahli-

an, Presiden UMNO itu berkata, semua cawangan dan bahagian UMNO mesti mengutip yuran keahlian bagi tahun 1992.

Yuran

"Kalau tak terima, pihak ibu pejabat akan memastikan yuran berkenaan diterima juga," tegasnya.

Ditanya tentang perkembangan permohonan orang-orang keturunan Portugis di Melaka untuk menjadi ahli UMNO, Dr. Mahathir berkata, penyelidikan mengenai status bumiputera mereka masih belum selesai.